

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HMT 123 – Sejarah Perkembangan Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab LIMA [5] soalan. Soalan SATU [1] dan soalan DUA [2] dalam Bahagian A merupakan soalan yang wajib dijawab. Jawab TIGA [3] soalan daripada Bahagian B.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda, sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

BAHAGIAN A [Soalan wajib dijawab]

1. Berikut merupakan faktor-faktor yang dapat digunakan untuk menentukan tanah asal bahasa Melayu. Dengan contoh-contoh tertentu huraikan semua faktor.
 - (a) Arkeologi
 - (b) Perbandingan etnolinguistik dan perbandingan kosa kata
 - (c) Kebudayaan
 - (d) Andaian leksikostatistik
 - (e) Teori migrasi

[30 markah]

2. Jawab soalan (a), (b) dan (c) yang berkaitan dengan bahasa Melayu kuno.
 - (a) Mengapakah huraian sistem bahasa Melayu kuno dianggap tidak tepat?
 - (b) Bandingkan sistem vokal bahasa Melayu kuno dengan bahasa Melayu moden.

.../2-

- (c) Berikan sebab mengapa vokal e pepet tidak muncul dalam catatan bahasa Melayu kuno pada batu-batu bersurat abad ketujuh.

[25 markah]

BAHAGIAN B: Jawab **TIGA** [3] soalan.

3. Kemukakan pernyataan dan pindaan tentang kedudukan bahasa Inggeris dalam Perkara 152 Akta Bahasa Kebangsaan dari mula Perkara ini dikuatkuasakan sehingga sekarang ini. Apakah kesan pernyataan dan pindaan berkenaan terhadap bahasa Melayu?

[15 markah]

4. Skema Bercabang dianggap lebih tepat untuk menghuraikan perkembangan bahasa Melayu moden daripada bahasa Melayu purba (Asmah Hj. Omar, 1988). Kemukakan alasan yang munasabah untuk menyokong pernyataan ini.

[15 markah]

5. Pilih (a) atau (b).

- (a) Huraikan peringkat utama perkembangan aksara Jawi dalam bahasa Melayu klasik.

[15 markah]

Atau

- (b) Kenalpasti dan jelaskan fungsi bahasa Melayu dalam masyarakat Melayu klasik.

[15 markah]

6. Apakah yang dimaksudkan dengan perancangan taraf dalam konteks perkembangan bahasa Melayu moden di Malaysia?

[15 markah]